

Dr. Mahathir tiba di Bangkok hari ini

BANGKOK 18 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan tiba di bandar raya Bangkok pagi esok untuk menghadiri persidangan antarabangsa - Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), (AELM) kali ke-11 yang terakhir baginya sebelum bersara 31 Oktober ini.

Dr. Mahathir dijadual disambut oleh Timbalan Perdana Menteri Thailand, Wissanu Kra-ngam sebaik tiba di lapangan terbang antara-bangsa Bangkok.

Sidang kemuncak dua hari itu akan diadakan pada 20 dan 21 Oktober ini.

Pada akhir persidangan, pemimpin akan mengeluarkan Deklarasi Bangkok yang terus menekankan soal meningkatkan kerjasama ekonomi dan pembangunan di kalangan mereka.

Turut disentuh ialah isu-isu berkaitan dengan keselamatan yang boleh menjejaskan pertumbuhan perdagangan dan ekonomi global.

Dr. Mahathir turut dijadual menyertai forum perbincangan mengenai Globalisasi dan Cabarannya bersama Presiden Chile, Ricardo Lagos, pada Isnin ini.

Forum itu merupakan sebahagian daripada acara yang disusun sempena mesyuarat APEC-Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang bermula esok.

Dr. Mahathir juga akan menghadiri perbincangan bersama pemimpin ASEAN dan APEC-Amerika Syarikat (AS).

Sebaik berakhir sidang kemuncak pada Selasa ini, Perdana Menteri mengadakan lawatan ke tiga negara sebelum kembali ke Malaysia. Beliau akan ke Jogjakarta, Indonesia diikuti Timur Leste dan Papua New Guinea.